

22/12/1998

LPP tingkat martabat usahawan peladang

Bakhari Ariff

SEORANG peladang di utara Semenanjung yang menanam ubi keledek seluas 200 hektar boleh mendapat keuntungan bersih RM300,000 dalam tempoh tiga bulan. Pak Abu (bukan nama sebenar), seorang peladang di Pantai Timur Semenanjung boleh memperolehi pendapatan enam angka setahun dengan hanya menanam duku, dokong dan durian.

Pertanian bukan sektor asing kepada masyarakat negara ini, apa lagi di kalangan orang Melayu. Jika kita rajin menyemak asal-usul keturunan, barangkali kita akan dapati generasi kedua hingga ke tujuh tentu ada nenek moyang kita pernah memegang cangkul.

Boleh dikatakan serangga dari neraka tidak wujud di negara ini yang menghalang pertumbuhan sayur-sayuran, tanaman dan ternakan. Iklim melampau hingga sejuk ke paras beku atau panas hingga air mendidih juga tidak ada.

Tahap pH tanah, taraf keasidan atau kealkalian, juga berbeza di antara satu kawasan dengan kawasan yang lain dan ini memungkinkan kepelbagaian jenis tanaman dan ternakan.

Halangan penyakit, iklim dan serangga boleh diatasi sejajar perkembangan penyelidikan dan pembangunan (R&D) negara. Bagaimanapun, perkembangan ekonomi industri dalam dua dekad ini mengehadkan penggunaan tanah untuk pertanian.

"Dalam tempoh 25 tahun ke hadapan, pertanian tradisional semakin tidak relevan dengan negara dan ia akan digantikan dengan pertanian moden menggunakan pelbagai teknologi canggih," kata Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk A Rahim Rahmat sambil meminta semua petani dan peladang bersedia dengan cabaran baru seperti berlaku di Jepun, Taiwan dan Belanda.

Rahim turut melakarkan garis pemisah antara seorang petani dengan peladang. Seorang petani ialah mereka yang bekerja dalam sektor pertanian dan ia mendekati kaedah tradisional manakala seorang peladang bukan hanya menanam dan menternak tetapi turut sama mengerti aspek pemasaran dan pengurusan.

Menurutnya, usahawan peladang mestilah seorang yang tahu sistem pengurusan dari peringkat ladang sehingga ke pasar, selain boleh mengurus diri sendiri apabila berdepan dengan sejumlah wang yang banyak.

"Usahawan peladang bakal menjadi satu pekerjaan profesional yang cukup dihormati. Pekerjaan dalam sektor pertanian sedekad lalu dianggap pekerjaan hina oleh generasi muda," katanya ketika diminta mengulas mengenai pekerjaan dalam sektor pertanian sekarang.

Menurut Menteri Pertanian, Datuk Amar Dr Sulaiman Daud, kelemahan dahulu di kalangan petani dan peladang kerana tidak mempunyai seni keusahawanan, menyebabkan pekerjaan dalam sektor itu mendapat gaji rendah.

Bagaimanapun, LPP melalui pelaksanaan program pembangunan usahawannya berjaya mewujudkan 839 usahawan. Dengan kesediaan LPP menyediakan prasarana dan nasihat teknikal, kebanyakan peladang menemui kejayaan dan keuntungan.

"Isu ketara dalam mewujudkan kumpulan kelas pendapatan pertengahan di negara ini ialah tiadanya impian, dan ini disebabkan oleh kurangnya ilmu keusahawanan di kalangan peladang," kata Dr Sulaiman.

Justeru, LPP menjadi pemangkin kepada usaha itu dengan tiga pendekatan. Pertama, LPP menjadi model kepada usaha perladangan, iaitu LPP melalui Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) melaksanakan sendiri projek pertanian. Kedua, melakukan usaha sama dengan individu tertentu termasuk membekalkan

benih dan baja dan ketiga membantu individu terbabit dari segi nasihat teknikal.

Setakat ini, pendekatan utama yang dimainkan LPP ialah dengan mengusahakan sendiri projek pertanian melalui PPK serta membabitkan ahli PPK setempat. Kejayaan PPK yang kini berjumlah 283 di seluruh negara boleh menjadi contoh kepada petani lain.

Sekalipun PPK mengusahakan sendiri sesuatu projek pertanian, pulangan akhirnya akan kembali semula kepada ahli PPK, iaitu petani dan peladang berkenaan. Sehingga kini, ada 639,594 keluarga tani yang turut bersama-sama dengan kejayaan LPP.

Jika 10 peratus daripada ahli keluarga berkenaan sudah biasa dengan pertanian memilih untuk menjadi peladang, negara sudah mempunyai 40,000 peladang yang bersedia mengusahakan pertanian secara moden dan besar-besaran. Inilah tema ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika merasmikan Institut Pengurusan Peladang (IPP) di Langkawi, 6 Disember lalu.

Selain menyumbang kepada wujudnya usahawan peladang, dalam masa sama peladang itu menyumbang kepada pengeluaran makanan negara, sekali gus mengurangkan pergantungan kepada barangan makanan import. PPK setiap tempat mempunyai projek induk pengeluaran makanan.

Di Perlis, misalnya, tanah seluas 2,946 hektar di tanam padi, jagung manis, nanas, jambu dan belimbing. Di Kedah keutamaan diberi kepada ternakan udang harimau, ikan dalam sangkar, tanaman cili, ternakan kambing susu, sayuran hidroponik, keledak dan mini estet padi.

Di Pulau Pinang pula ternakan udang harimau, mini estet padi dan nanas; di Perak (ternakan udang harimau, ayam daging, puyuh dan ayam telur, belimbing, sayur-sayuran dan padi); di Selangor (estet padi, ayam daging, tanaman kontan dan sayur-sayuran).

Di Negeri Sembilan (buah-buahan, padi, ayam daging dan sayur-sayuran); di Melaka (ternakan ayam daging/telur, kelapa sawit dan sayur-sayuran); di Johor (lembu tenusu/daging, ayam telur/daging dan sayur-sayuran); di Pahang (Limau, bawang, tanaman kontan, lembu integrasi dan tanaman sayur-sayuran di tanah tinggi).

Di Kelantan (buah-buahan, ikan dalam sangkar, cili dan padi berkelompok); di Terengganu (limau madu, dokong, lembu daging, ayam telur/daging) manakala di Sabah (durian, agar-agar laut, kelapa sawit dan ternakan ayam).

Serentak dengan usaha bersungguh-sungguh itu, LPP juga menubuhkan Institut Pengurusan Peladang (IPP) Langkawi bernilai RM11.7 juta bagi memberi latihan yang komprehensif dan bersepadu yang merangkumi aspek kemahiran, pengurusan, dan keusahawanan untuk anggota LPP dan ahli pertubuhan peladang.

"IPP Langkawi akan menjadi pemacu kepada usaha mewujudkan lebih ramai usahawan peladang," kata Rahim. IPP Langkawi dilengkapi sebuah dewan seminar yang boleh memuatkan 160 peserta, enam bilik bengkel boleh memuatkan 120 peserta, 106 bilik kelamin yang boleh memuatkan 212 pengunjung dan dua bilik domitori yang boleh memuatkan 40 peserta.

Sekurang-kurangnya dua pendekatan sudah diuji untuk melahirkan lebih banyak usahawan peladang berjaya. Pertama melalui bantuan kepada petani untuk mengerjakan sesuatu projek kecil manakala satu lagi membantu peladang yang mempunyai latar belakang melaksanakan projek dengan berjaya.

"Kaedah membantu petani kecil-kecilan sehingga berjaya ada kalanya memberi kesan positif. Tetapi banyak juga petani berkenaan apabila mendapat wang banyak, mulai lupa diri... berkahwin lain, mabuk dan tidak tahu tujuan duit sehingga akhirnya projek pertanian menemui kegagalan.

"Bagaimanapun, seorang peladang yang cekap dan berkemahiran dari segi keusahawanan akan lebih mampu mengurus projek pertanian secara moden dan

besar-besaran serta tahu matlamat duit," kata Shahizan Hassan, Pegawai Perhubungan Awam LPP Kedah.

Usaha ini mirip kepada pemberian projek oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) yang sudah mencuba memberi projek penswastaan kepada individu tertentu tetapi akhirnya menemui kegagalan. Maka, pilihan EPU lebih cenderung memberikan kepada syarikat gergasi seperti DRB-Hicom dan Renong.

Shahizan berpendapat: "Jika ada 100 usahawan peladang yang berkemampuan seperti DRB-Hicom dan Renong di seluruh negara, dengan kayu ukur mudah seperti mendapat pendapatan lebih RM5,000 sebulan, pekerjaan sebagai petani atau peladang lebih dihormati."

Begitupun, keghairahan melahirkan lebih ramai usahawan peladang turut perlu meneliti pengalaman kegagalan lalu. Misalnya, kegagalan projek ternakan kerang dan ayam di Pulau Tuba, Langkawi yang kerugian lebih RM300,000 perlu dielakkan.

"Bukankah sangat aneh, kos ayam yang dternak di pulau itu bernilai RM120 seekor. Sedangkan, ternakan dan tanaman boleh dikaji melalui kaedah saintifik dengan pengukuran hampir tepat," kata seorang pensyarah di Universiti Putra Malaysia (UPM).

"Pencapaian sains pertanian di negara ini dan kewujudan institusi pengajian tinggi banyak membantu penyelidikan mengenai ternakan dan tanaman, dan kesilapan berkenaan tidak sepatutnya berulang. Saintis tempatan boleh mengukur tahap pH air laut dan jenis pasir yang bersesuaian dengan kerang, sebelum sesuatu projek dilaksanakan," katanya.

Tanpa menafikan wujud ancaman luar seperti musim kemarau berpanjangan, sesuatu projek yang hendak dilaksanakan selalunya didahului dengan `kajian kemungkinan' bagi menilai kemunasabahan projek dari segi ekonomi dan persekitaran.

Begitupun, langkah mewujudkan usahawan peladang perlu dipercepatkan untuk meninggikan taraf pekerjaan dalam bidang pertanian dan mewujudkan kelas menengah, sekali gus kumpulan ini tidak lagi dijenamakan sebagai golongan marhain (petani, buruh dan nelayan).

(END)